



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**PROGRAM SEMARAK AIDILFITRI
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

17 APRIL 2025

**DATARAN DBKL
KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفَ
الْمَرْسِلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Sahabat-sahabat Ahli Parlimen

- **YB Teresa, YB Zahir** (Terima kasih kerana sentiasa menyokong program dan acara anjuran DBKL)

Datuk Seri Noridah – Ketua Pengarah

Datuk Bandar – **Datuk Seri Maimunah**

Dato' Fadlun – Presiden Perbadanan Putrajaya

CEO Perbadanan Labuan – **Encik Sukuran**

Tuan Syed Kamarulzaman – Pengurus MAIWP

Your Excellencies, Ambassadors

Saya dimaklumkan, ada juga mantan-mantan Datuk Bandar turut bersama-sama kita hari ini. Selamat datang.

Ketua-ketua Agensi

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam program Semarak Aidilfitri 2025 edisi Kuala Lumpur. Baru-baru ini kita telah adakan di Labuan, hari ini di Kuala Lumpur dan 24 April nanti di Putrajaya pula. Tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan *signature program* Jabatan Wilayah Persekutuan bersama rakyat ini.

2. Saya ambil kesempatan ini untuk ucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Minal 'Aidin Wal Faizin, Maaf Zahir dan Batin kepada semua. Syawal ini bukan sekadar satu lambang kemenangan, tetapi juga ruang untuk kita mempertaut dan mempererat kasih sayang, dan ukhuwwah serta dalam masa yang sama memperteguhkan azam kita.

3. Pada hari ini, selain kita raikan suasana lebaran, dalam masa yang sama, kita akan teruskan agenda seperti tahun-tahun yang lalu, iaitu agihan wang zakat berjumlah 200 ribu ringgit yang akan diagihkan kepada 1,000 orang penerima asnaf dalam kalangan anak yatim, pelajar tahniz dan mereka yang memerlukan di Kuala Lumpur ini. Ini adalah simbol keadilan sosial dan hasil daripada pengurusan tadbir urus sistem zakat yang telus. Terima kasih kepada MAIWP yang mana saban tahun memberikan kerjasama strategik kepada JWP, dan tidak dilupakan juga kepada para pembayar zakat di Wilayah Persekutuan ini.

MENERUSKAN REFORM, MENEGAKKAN PRINSIP

Hadirin sekalian,

4. Sepanjang Ramadan yang lalu, nama DBKL ini disebut-sebut di seluruh negara. Macam-macam isu timbul dan pelbagai persepsi dibangkitkan. Tapi, terlebih dahulu saya ingin rakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Datuk Bandar dan keseluruhan *team* DBKL atas kejayaan menganjurkan Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri tahun ini tanpa penglibatan orang tengah.

5. Saya dapat mesej dari ramai peniaga yang berterima kasih kerana mereka tidak lagi perlu membayar tapak melalui pihak ketiga dan tiada lagi kadar tapak yang dimanipulasi. Meskipun banyak cabaran, tekanan dan tohmahan yang diterima, kita tetap kekal teguh dalam melaksanakan reform ini, yang mana sepatutnya telah lama dilaksanakan.

6. Saya ingin juga maklumkan bahawa konsep pengurusan bazar Ramadan dan Aidilfitri ini kita akan teruskan kepada bazar-bazar perayaan yang lain juga. Ini kita telah persetujui secara bersama di dalam Mesyuarat Majlis Menteri Wilayah yang turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Parlimen Kuala Lumpur bulan lalu.

7. Dari awal saya berada di sini, saya selalu tekankan tentang reform sebagai nadi utama pentadbiran di Wilayah Persekutuan, termasuk di Kuala Lumpur. Saya percaya, Kuala Lumpur ini tidak boleh kekal menjadi sebuah kota yang ditadbir secara reaktif, *ad hoc* atau dengan kompromistik. Kita perlu bina semula sistem ini.

8. Kita tidak mencari kesempurnaan, tetapi kita memilih untuk berani membetulkan. Dan itu lebih mulia daripada mengekalkan sistem yang salah atas nama kezaliman. Negara ini ada undang-undang. Kita tidak boleh membenarkan sistem bandar ditadbir oleh hukum, siapa kuat dia menang. Di saat ada penjaja yang patuh, membayar sewa, memohon lesen dan mengikut peraturan, bagaimana mungkin kita boleh membiarkan yang tidak berlesen itu berkeliaran seolah-olah tiada apa-apa salah yang mereka lakukan? Di mana keadilannya?

9. Keadilan itu mesti kita tegakkan, bukan ditangguhkan kerana takut dibenci. Saya ingin tekankan di sini, prinsip asasnya adalah semua jenis perniagaan di Kuala Lumpur ini perlu mendapat lesen dari DBKL dan jelas prinsipnya bahawa peniagaan tanpa lesen itu tetap salah. Tiada kompromi. Ruang kompromi ini lah benang nipis kepada kerosakan isu tata kelola dan integriti. Buat salah, minta kompromi, minta budi bicara. Kita tidak boleh bertolak ansur dengan unsur kompromistik ini lagi. Kita perlu berpihak kepada yang benar, bukan yang kuat.

10. Walaupun begitu, saya tidak nafikan bahawa ada kelompongan dalam pelaksanaan kita. Ada kelemahan dan kekurangan untuk ditambahbaik. Itu kita akui. Sebab itu, saya minta Datuk Bandar untuk lihat dan semak semula segala prosedur yang berkaitan terkait lesen penjaja ini dan semua tindakan penguatkuasaan yang dibuat.

11. Yang salah tetap salah, perlu diambil tindakan penguatkuasaan, tidak kira siapa pun dia, baik Melayu, Cina, India, warganegara asing, baik gudang besar mahupun penjaja tepi jalan. Tetapi tindakan itu perlu berhemah. Perlu ikut SOP, jika ada keperluan, tambah baik SOP tersebut sesuai keadaan semasa.

12. Dalam keadaan-keadaan tertentu, apa had yang ingin kita letakkan untuk penguat kuasa? Adakah mereka hanya perlu berdiam diri dan membiarkan sekiranya berlaku provokasi dan keganasan, walaupun mereka pun berkemungkinan dikasari? Ya, kita simpati dengan apa yang berlaku, tetapi janganlah dijadikan modal politik sehingga hamburan demi hamburan diberikan kepada mereka yang ingin menjalankan tugas mereka.

13. Sehingga ada yang membawa naratif jahat, menggunakan sentimen bangsa dan agama, dan ada rakyat yang terpengaruh, malah ada yang sampai tahap ekstrem mengugut untuk simbah asid atau simbah air panas sekiranya berjumpa dengan penguatan kuasa DBKL. Ini bukan kritikan, ini sudah jadi jenayah. Naratif seperti ini adalah berbahaya dan merosakkan keharmonian, serta tidak sepatutnya berlaku. Jadi, berpada-pada lah dalam menghukum. Dan apa yang penting, nilai dulu apa situasi yang sebenarnya terjadi.

14. Simpati kita kepada penjaja, tidak harus menafikan hak penguat kuasa untuk menjalankan tugas mereka. Saya tidak kata siapa yang betul atau siapa yang salah, kita serah kepada pihak berkuasa untuk siasat sepenuhnya.

15. Mentadbir bandar raya ini bukan satu drama yang perlu kita promosikan dan kita iklankan sepanjang masa di media sosial. Jika ada sebarang aduan yang ingin disampaikan untuk tindakan dilaksanakan, gunakan saluran yang betul, saluran yang telah ditetapkan seperti Adu KL dan SISPAA.

PROSES PEMUTIHAN PENJAJA TIDAK BERLESEN SEBAHAGIAN INISIATIF LESTARI NIAGA

Hadirin sekalian,

16. Selain daripada menegakkan prinsip, kita juga perlu membuka ruang penyelesaian yang tuntas. Untuk urusan penjaja tanpa lesen ini, saya minta DBKL untuk melaksanakan proses pemutihan yang menyeluruh kepada semua penjaja tidak berlesen di Kuala Lumpur, sebagai sebahagian daripada pelaksanaan inisiatif Lestari Niaga.

17. Saya berikan tempoh 4 bulan kepada DBKL sehingga Ogos untuk program pemutihan ini. Kita minta penjaja tanpa lesen ini tampil, daftar dan ikut proses. Tapi kena faham, tidak semua yang kita boleh berikan lesen, ada pertimbangannya. DBKL perlu melihat kepada keseluruhan ekosistem penjaja dan cadangkan penyelesaian yang lebih strategik, bukan hanya berasaskan *status quo* sahaja.

18. Saya ingin tegaskan, ini adalah ruang pembetulan, bukan pengampunan yang mutlak. Kita beri peluang. Tetapi selepas itu, jika tidak tampilkan diri, kita akan bertindak dengan lebih tegas lagi. Kita mahu ekonomi mikro ini juga perlu ada disiplinnya, bukan berasaskan simpati semata-mata. Perlu lihat dalam kerangka undang-undang yang jelas.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

19. Saya ingin tegaskan, sebuah bandar yang berjaya, bukan sahaja cantik infrastrukturnya, tetapi turut adil sistemnya. Adil itu pula adalah meletakkan sesuatu pada tempatnya. Kuala Lumpur ini mesti ditadbir dengan bersih, cekap dan berbelas ihsan. Tetapi belas ihsan itu tidak bermaksud tunduk pada kekacauan.

20. Wilayah Persekutuan perlu menjadi model tata kelola yang tegas pada prinsip, adil pada tindakan dan konsisten dalam hala tujunya. Saya tidak berganjak dari komitmen ini, kerana saya yakin, rakyat akan sentiasa bersama kita, apabila kita bertindakan benar. Inilah erti keadilan dalam roh MADANI, prinsip yang tidak tunduk kepada tekanan... dan dasar yang membuka ruang pembetulan.

21. Kuala Lumpur ini milik semua. Tetapi ia hanya akan jadi rumah yang selamat untuk semua, apabila kita berani mempertahankan peraturan, dan pada masa yang sama, membuka ruang untuk semua kembali ke pangkuhan sistem secara sah. Kita tidak membina Kuala Lumpur untuk hari ini sahaja, tetapi untuk generasi yang akan datang. Reform ini adalah warisan kita untuk mereka.
22. Sekali lagi, Selamat Hari Raya Aidilfitri,
Taqaballahu minna waminkum.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah
wassalamu'alaikum warahmatullahi
wabarakatuh. Terima kasih.